

70 pegawai kadet Palapes USIM dirai

SEREMBAN 1 Sept. - Seramai 70 pegawai kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dirai pada Majlis Santapan Malam Regimental bersama Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir, baru-baru ini.

Majlis santapan itu diadakan bagi merai kejayaan 41 mahasiswa dan 29 mahasiswi yang berjaya ditauliahkan sebagai Leftenan Muda pada Majlis Istiadat Pentauliahkan Diraja Pegawai Kadet Palapes Universiti Awam Ke-34.

Pada majlis pertauliahkan yang berlangsung pada 15 Ogos lalu, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah telah berkenan mencemar duli bagi menyampaikan waktiah pertauliahkan di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Kesemua pegawai kadet USIM telah menamatkan tempoh kursus dan latihan selama enam semester bersama Palapes Universiti Ke-

bangsaan Malaysia (UKM).

Seorang pegawai kadet, **Leftenan Muda Muhammad Siddiq Rohizan**, 26, menyifatkan penganugerahan ini sebagai pencapaian yang tidak disangka.

Merupakan pelajar tahun tiga Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa, Muhammad Siddiq yang turut menerima Anugerah Pegawai Muda Terbaik, menjelaskan, penglibatannya dalam Palapes berjaya membentuk jati diri yang lebih baik.

"Penyertaan dalam pasukan Palapes secara tidak langsung membentuk disiplin diri dan nilai kepimpinan yang tinggi selain lebih bertanggungjawab dalam kerja berpasukan.

"Dalam pada itu juga, pengurusan masa sebagai seorang pelajar dan pegawai kadet dapat diseimbangkan dengan baik," ujarnya.

Sementara itu bagi rakan sekelasnya, **Leftenan Muda Muhammad Qusyairi Muda**, 23, berkat doa dan restu kedua-dua ibu bapanya menjadi kunci kepada kejayaan yang diraih.

Turut menerima Anugerah Khas Komandan Pegawai Muda Terbaik, Muhammad Qusyairi menjelaskan, sokongan daripada jurulatih juga telah banyak membantunya dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

"Saya mampu melaksanakan tugas yang telah diarahkan dengan sempurna atas bimbingan jurulatih sekali gus turut melayakkan saya menerima anugerah tersebut," katanya.

Pada majlis santapan itu, kesemua Leftenan Muda Palapes UKM USIM menerima Anugerah Kesatria Jaya yang dianugerahkan oleh Tuanku Muhriz yang merangkap Canselor UKM.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Tunku Ampuan Besar, Tuanku Aishah Rohani selaku Canselor USIM; Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Maslan; Naib Canselor UKM, Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali serta Naib Canselor USIM, Datuk Dr. Musa Ahmad.



MUSA AHMAD (dua dari kiri) beramah mesra dengan pegawai kadet Palapes USIM dalam Majlis Santapan Malam Regimental, Universiti Sains Islam Malaysia di Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.